

**Ahli Parlimen PAS: Malaysia amal Raja Berperlembagaan, tidak perlu Akta Derhaka**  
**Malaysian Insider**  
**June 26, 2013**  
**Oleh Md Izwan**

Ahli Parlimen Sepang (PAS) Hanipa Maidin menegaskan Akta Derhaka yang dicadangkan adalah tidak wajar kerana Malaysia mengamalkan konsep Raja Berperlembagaan, ia ekoran pertikaian titah Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang didakwa disediakan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

Gesaan supaya peruntukan undang-undang baru ke atas individu yang menderhaka dibangkitkan oleh dua ahli Parlimen BN iaitu Datuk Bung Mokhtar Radin dan Shamsul Anuar Nasarah memandangkan banyak rakyat Malaysia yang sudah berani menghina institusi Diraja.

"Malaysia mengamalkan Raja Berperlembagaan, bukannya Monarki Mutlak," bidas Hanipa terhadap cadangan oleh kedua-dua MP BN tersebut supaya satu Akta Derhaka dilaksanakan seperti di negara Thailand bertujuan untuk menghukum mereka yang menghina institusi Diraja dalam negara.

Bung juga mendakwa masyarakat Cina khususnya sudah berani menghina institusi Diraja sebaik berakhir pilihan raya umum lalu pada 5 Mei lalu.

"Saya bukan perkauman, tapi selepas pilihan raya empat kes orang Cina menghina Raja telah dilaporkan," kata Bung.

Shamsul pula menggesa agar kerajaan supaya memandang serius untuk mengambil langkah memperkenalkan akta tersebut sebelum ianya terlambat dan menghakis kuasa Raja di dalam negara. 23 Jun, 2013. - 26 JUN, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ahli-parlimen-pas-malaysia-amal-raja-berperlembagaan-tidak-perlu-akta-derhaka/>